

# Tangani amalan kartel, monopoli pasaran: TPM

Persaingan setara jamin pertumbuhan ekonomi mapan, beri manfaat kepada rakyat

Oleh Irwan Shafrizan Ismail  
irwansha@NSTP.com.my

**Putrajaya:** Perlakuan antipersaingan seperti kartel dan penyalahgunaan kuasa atau monopoli perlu ditangani bagi menjamin pertumbuhan ekonomi yang mapan, kata Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Menegaskan demikian, Timbalan Perdana Menteri berkata, perlakuan seperti itu menyumbang kepada herotan atau gangguan pasaran yang seharusnya bersaing secara sihat dan kompetitif.

Antara contoh amalan perniagaan yang tidak mementingkan keadilan sosial ialah apabila golongan menopoli pasaran secara bersama menetapkan harga jualan jauh melebihi kos pengeluaran demi meraih keuntungan maksimum.

Berucap pada Simposium Persaingan Setara dan Kos Sara Hidup di sini, semalam, Dr Wan

Azizah berkata, persaingan yang setara sebaliknya akan memberikan manfaat kepada perusahaan kecil dan rakyat.

"Persaingan yang setara secara tidak langsung akan melindungi rakyat kerana ia akan memastikan produk dan perkhidmatan dapat ditawarkan dengan harga yang berpatutan, berkualiti serta mempunyai banyak pilihan," katanya.

Dr Wan Azizah yang juga Penegerusi Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) berkata, dengan menggalakkan persaingan yang setara, pengusaha akan menjadi lebih kreatif, cekap dan berdaya saing, seterusnya

*Antara amalan persaingan lain yang tidak sihat ialah penyalahgunaan kedudukan dominan sesebuah perusahaan yang menyebabkan perusahaan lain terpaksa memberhentikan operasi kerana tidak dapat bersaing atau terus terkeluar daripada pasar.*

*Dr Wan Azizah Wan Ismail,  
Timbalan Perdana Menteri*

memacu pertumbuhan ekonomi negara.

"Antara amalan persaingan lain yang tidak sihat ialah penyalahgunaan kedudukan dominan sesebuah perusahaan yang menyebabkan perusahaan lain terpaksa memberhentikan operasi kerana tidak dapat bersaing atau terus terkeluar daripada pasar.

"Pengguna akan rugi jika mereka mempunyai kurang pilihan, berhadapan dengan harga tinggi dan barang yang berkemungkinan tidak bermutu," katanya.

Ekonomi negara pula katanya, tidak akan berkembang kerana perusahaan baharu tidak dapat menembusi pasaran dan perusahaan sedia ada tidak mempunyai insentif untuk menjadi inovatif dan cekap.

Sehubungan itu, beliau menegaskan penguatkuasaan Akta Persaingan 2010 adalah penting ke arah membentuk pasaran yang kompetitif dan sihat dengan melindungi proses persaingan untuk kepentingan pengguna, perniagaan dan ekonomi.

"Pasaran yang bebas dan berdaya saing juga pastinya akan menarik lebih ramai pemain industri ke dalam pasaran.

"Ia selaras dengan matlamat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang menjadi tumpuan pelaburan di persada antarabangsa," katanya.



**Dr Wan Azizah diiringi Saifuddin Nasution** ketika hadir pada majlis penutup Simposium Persaingan Setara Kos Sara Hidup di Putrajaya, semalam.

[Foto Lugman Hakim Zubir/BH]